SURAH AL-IKHLAS

Surah Gajah

Surah (112) - Makkiyah - 4 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu Maha Esa.

(2)

2. Allah itu selama-lamanya Tumpuan seluruh makhluk.

(3)

3. Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan.

(4)

4. Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya.

Surah yang pendek ini menyamai satu pertiga al-Qur'an sebagaimana yang telah diterangkan dalam hadith-hadith yang sohih. Daripada Abu Sa'd, ada seorang mendengar seorang lelaki membaca Qulhuwallahuahad dengan berulang-ulang kali. Pada pagi keesokan ia datang menemui Nabi s.a.w. lalu ia menyebutkan cerita itu kepada beliau seolah-olah ia merasa surah itu sangat sedikit, lalu Nabi s.a.w. berkata: "Demi jiwaku di tanganNya, sesungguhnya surah itu menyamai satu pertiga al-Qur'an." Tiada sesuatu yang aneh dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini kerana 'aqidah keesaan Allah yang diperintah kepada Rasul-Nya supaya diisytiharkannya dengan "Qul-huwallahuahad" itu merupakan 'aqidah bagi hati, merupakan pentafsiran bagi 'alam dan merupakan satu sistem bagi kehidupan kerana surah ini

mengandungi garis-garis pokok yang amat luas mengenai hakikat agung Islam.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu Maha Esa.

Kata-kata "Ahad" lebih halus daripada kata-kata "Wahid", kerana kata-kata Ahad menambahkan kepada kata-kata Wahid pengertian tiada suatu yang lain bersama Allah dan tiada suatu yang setanding dengan Allah.

Maksudnya ialah keesaan wujud Allah. Di sana tiada hakikat melainkan hakikat Allah, tiada kewujudan haqiqi melainkan kewujudan Allah. Segala maujud yang lain adalah mengambil kewujudan mereka daripada kewujudan Allah yang haqiqi dan mengambil hakikat mereka daripada hakikat Allah yang sejati. Ia mengertikan keesaan pencipta, tiada pencipta yang lain daripada Allah yang menciptakan segala sesuatu di 'alam ini. Itulah 'aqidah yang tersimpul di hati dan itulah juga pentafsiran bagi 'alam.

Apabila pentafsiran itu teguh mantap dan kepercayaan ini jelas dan terang maka bersihlah hati daripada segala kepercayaan yang karut dan daripada segala pergantungan kepada yang lain daripada Zat Allah yang Tunggal dengan hakikat kewujudan dan hakikat penciptaan. Yakni hati itu bersih daripada pergantungan dengan sesuatu yang lain di 'alam al-Wujud ini -- walaupun ia tidak bersih daripada perasaan adanya sesuatu yang lain -- oleh itu tiada hakikat kepada sesuatu kewujudan kecuali hakikat penciptaan bagi iradat Ilahiyah sahaja. Oleh sebab itu tidak ada ertinya hati itu bergantung kepada sesuatu yang tidak mempunyai sebarang hakikat kepada kewujudannya dan sebarang hakikat kepada kudrat penciptaannya.

Apabila hati telah bersih daripada segala perasaan terhadap yang lain daripada hakikat Allah yang Tunggal dan bersih daripada pergantungan kepada yang lain daripada hakikat Allah, maka ketika itu ia akan bebas daripada segala belenggu dan ikatan, bebas daripada keinginan yang menjadi punca berbagai-bagai belenggu dan bebas daripada sebarang ketakutan yang menjadi sumber berbagai-bagai ikatan. Apa lagi yang diingininya sesudah ia menemui Allah, dan siapa lagi yang patut ditakutinya sedangkan di sana tidak ada kuasa penciptaan melainkan bagi Allah sahaja. Apabila mantapnya kepercayaan yang tidak melihat di 'alam ini melainkan hakikat Allah sahaja, maka ia akan melihat hakikat ini pada segala kejadian yang lain yang lahir daripada hakikat itu. Di tahap inilah hati seseorang akan melihat kudrat Allah menguasai segala sesuatu yang dilihatnya dan pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap ini tidak nampak sesuatu di 'alam buana ini melainkan hanya Allah, kerana di sana tiada hakikat yang lain yang dilihatnya melainkan hanya hakikat Allah.

Begitulah juga ia akan menafikan sebab-sebab (causes) itu sebagai mempunyai kuasa pencipta, malah ia akan memulangkan segala sesuatu,

segala peristiwa dan segala gerak kepada Allah sebagai sebab pertama yang melahirkan semuanya. Inilah hakikat yang amat ditekankan oleh al-Qur'an dalam menetapkan pegangan keimanan. Kerana itu al-Qur'an selama-lamanya menafikan sebab-sebab yang zahir dan menghubungkan segala sesuatu langsung kepada kehendak Allah.

17. "Bukan engkau yang memanah ketika engkau memanah tetapi Allahlah yang memanah."

(Al-Anfal)

10. "Tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah."

(Al-Anfal)

(29)

29. "Dan kamu tidak menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah."

(At-Takwir)

Ayat-ayat lain yang seperti ini memang banyak. Dengan menafikan semua sebab yang zahir dan mengembalikan segala-galanya kepada kehendak Allah yang Tunggal akan tercurahlah rasa ketenteraman dalam hati dan dapatlah ia mengenal matlamat yang tunggal, dengan ia meminta kepada-Nya apabila ia inginkan sesuatu, dan berlindung pada-Nya apabila merasa takut dan bersikap tenang terhadap segala daya pencipta, penggerak, dan pemberi kesan dan terhadap segala sebab yang zahir yang tidak mempunyai hakikat kewujudan sejati. Inilab anak-anak tangga jalan menuju hakikat yang dicuba oleh ahli-ahli tasawuf dan mereka telah ditarik jauh oleh hakikat ini.

Ini kerana Islam mahukan manusia menyusuri jalan yang membawa kepada hakikat ini semasa mereka menghadapi realiti kehidupan dengan segala cirinya atau semasa mereka menjalani kehidupan manusia dan memegang khilafah di bumi dengan segala asas dan terasnya, dengan mereka merasa tiada hakikat yang sebenar melainkan hakikat Allah dan tiada kewujudan yang sebenar melainkan kewujudan Allah dan tiada kuasa penciptaan melainkan kuasa penciptaan Allah dan mereka tidak berkehendak kepada jalan yang lain daripada jalan ini.

Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna yang ditegakkan di atas pentafsiran tadi dan di atas kefahaman, perasaan dan kecenderungan yang ditimbulkan dalam hati seseorang. Itulah satu sistem beribadat kepada Allah yang Tunggal, dengan tiada hakikat bagi kewujudan yang lain, melainkan kewujudan-Nya dan tiada hakikat bagi kudrat penciptaan yang lain melainkan kudrat penciptaan-Nya dan tiada kesan bagi

iradat yang lain melainkan iradat-Nya. Itulah satu sistem bertawajjuh kepada Allah yang Tunggal sama ada dalam kegemaran dan ketakutan, sama ada dalam kesenangan dan kesusahan, kerana apalah gunanya bertawajjuh kepada yang lain daripada Allah yang tidak mempunyai kewujudan yang haqiqi? Itulah satu sistem menerima daripada Allah yang Tunggal dalam segala urusan 'aqidah, kepercayaan dan kefahaman nilai-nilai, ukuran-ukuran, syari'at, undang-undang, kedudukan, peraturan, adab cara dan adab resam.

Penerimaan perkara-perkara ini pastilah daripada Allah yang mempunyai kewujudan yang Maha Esa dan hakikat yang tunggal di 'alam realiti dan 'alam hati nurani. Itulah satu sistem bergerak dan bertindak kerana Allah yang Tunggal untuk mencari perdampingan dengan-Nya dan untuk menghindarkan diri daripada rintangan-rintangan dan kekarutan-kekarutan yang menyesatkan sama ada dalam diri sendiri atau di sekelilingnya dari benda-benda dan manusia, dan antaranya ialah rintangan diri sendiri, ikatan kegemaran dan ketakutan kepada sesuatu di 'alam ini. Itulah satu sistem yang menghubungkan antara hati manusia dengan segala makhluk yang lain dengan hubungan kasih sayang, saling simpati dan seia sekata, kerana bukanlah maksud melepaskan diri daripada belenggu-belenggu kejadian 'alam ini ialah menaruh perasaan benci terhadapnya dan lari daripada berurusan dengannya, kerana semua makhluk itu adalah daripada ciptaan Allah. Semuanya mengambil kewujudannya daripada kewujudan Allah dan semuanya dilimpahkan dengan nur hakikat Allah.

Oleh sebab itu seluruh makhluk itu harus disayangi belaka kerana seluruhnya merupakan pemberian dan kurnia daripada Allah yang amat dikasihi. Itulah satu sistem yang luhur dan bebas, dengan bumi ini dipandang sebagai sebuah 'alam yang kecil, kehidupan dunia sebuah kehidupan yang pendek dan keni'matan hidup dunia juga suatu keni'matan yang sedikit, dan usaha mencapai kebebasan daripada rintangan-rintangan dan kekotoran-kekotoran dunia merupakan matlamat dan cita-cita (orang yang beriman), tetapi kebebasan dalam Islam bukan bererti pemencilan diri, bukan bererti pencuaian atau pengabaian dan bukan pula bererti benci dan lari, malah ia bererti percubaan dan perjuangan yang berterusan untuk memajukan manusia seluruhnya dan untuk membebaskan kehidupan mereka seluruhnya, kerana itu manusia diserahkan teraju khilafah dan kepimpinan dengan segala tugas dan kewajipannya, serta menegakkan kebebasan dengan segala nilainya.

Pembebasan diri dengan bertapa di rumah-rumah ibadat merupakan satu perkara yang mudah, tetapi Islam tidak mahu cara itu, kerana tugas menegakkan khilafah di bumi dan tugas memimpin umat manusia merupakan sebahagian daripada sistem agama Allah untuk pembebasan manusia. Ia merupakan satu cara yang amat sukar, tetapi itulah satu-satunya cara yang dapat menegakkan insaniyah manusia dan menjamin kemenangan tiupan roh yang luhur dalam dirinya.

Pendeknya kebebasan dalam Islam ialah kebebasan roh manusia menuju kepada Allah selaku sumber yang melahirkannya. Ia juga bererti

perjuangan manusia untuk menegakkan hakikat rohnya yang luhur, dan hakikat roh inilah yang bekerja dalam bidang yang dipilih Allah penciptanya yang Maha Bijaksana. Kerana ini semua, maka da'wah Islam di tahapnya yang pertama ditumpukan kepada usaha menegakkan hakikat Tauhid dalam hati manusia dengan gambaran seperti ini kerana konsep Tauhid dengan gambaran seperti ini merupakan 'aqidah bagi hati, pentafsiran bagi 'alam dan sistem bagi kehidupan. Tauhid bukan semata-mata kata-kata yang diucapkan dengan lidah, bukan suatu gambaran yang mantap dalam hati, malah Tauhid merupakan keseluruhan agama, dan segala perincian dan cabang-cabang yang lain darinya hanya merupakan hasil tabi'i daripada kemantapan hakikat Tauhid dalam hati manusia.

Penyelewengan-penyelewengan yang menimpa umat-umat Ahlil Kitab zaman dahulu yang telah merosakkan 'aqidah, pemikiran dan kehidupan mereka adalah pada mulanya berlaku akibat daripada terhapusnya gambaran Tauhid yang murni dan kemudian diikuti pula oleh segala penyelewengan yang lain. Ciri yang membezakan gambaran Tauhid dalam 'aqidah Islam ialah cirinya yang meresap dalam seluruh kehidupan dan seluruh kehidupan itu ditegakkan di atas asasnya. Ia menjadi tapak bagi semua program amali dalam kehidupan, kesan-kesannya kelihatan jelas dalam bidang perundangan sebagaimana kelihatan jelas dalam bidang kepercayaan. Kesan pertama daripada 'aqidah Tauhid ialah Syari'at Allah hendaklah merupakan undang-undang yang tunggal yang memerintah semua urusan kehidupan. Apabila kesan ini tidak wujud bererti 'aqidah Tauhid belum lagi berdiri teguh, kerana itu 'aqidah Tauhid harus berdiri teguh dan melahirkan kesan-kesannya dalam segenap bidang hidup.

Maksud Allah itu Maha Esa ialah Allah itu satu-satunya tumpuan seluruh makhluk, tidak beranak dan tidak pula diperanakkan dan tiada siapa yang setanding dengan-Nya. Al-Qur'an menyebut butiran-butiran ini untuk menambahkan kejelasan.

(2)

2. Allah itu selama-lamanya Tumpuan seluruh makhluk.

Pengertian "as-Samad" dari segi bahasa ialah tuan penghulu yang dituju orang ramai, dan tiada sesuatu urusan yang diputuskan melainkan dengam kebenarannya, Allah itulah Tuan yang sebenar tiada Tuan yang lain daripadaNya. Dia adalah Tunggal dalam ketuhanan-Nya dan semua yang lain adalah hamba-Nya belaka. Dialah sahaja yang ditujukan untuk memenuhi hajat-hajat dan Dialah sahaja yang menyahut seruan hamba-hamba-Nya yang mempunyai hajat. Dialah sahaja yang memutuskan segala perkara dengan keizinan-Nya dan tiada siapa yang turut membuat keputusan bersama-sama-Nya.

(3)

3. Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan.

Maksudnya ialah hakikat Allah itu adalah hakikat yang wujud abadi dan azali lagi. Hakikat Allah tidak dipengaruhi oleh keadaan demi keadaan. Dia mempunyai sifat yang sempurna dalam segala keadaan. Makna peranakan ialah kelahiran dan lanjutan keturunan. Peranakan merupakan satu kewujudan yang lebih selepas kurang atau selepas tidak ada dan semuanya ini mustahil pada Allah. Peranakan juga memerlukan isteri yang sama kejadian. Ini juga mustahil pada Allah kerana itu sifat Maha Esa atau "Ahadun" itu sendiri mengandungi penolakan adanya ibu bapa dan anak-anak.

(4)

4. Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya.

Maksudnya ialah tiada siapa yang serupa dan setanding dengan-Nya sama ada dari segi hakikat wujud atau dari segi hakikat kuasa penciptaan atau dari segi mana-mana sifat daripada sifat-sifat Zatiyah-Nya. Pengertian ayat ini juga menegakkan konsep "Ahadu", malah menguat dan mentafsirkannya dengan terperinci, iaitu konsep keesaan Allah menolak kepercayaan wujud Dua Tuhan yang mendakwa bahawa Allah itu Tuhan kebaikan dan di sana ada lagi satu tuhan yang lain iaitu tuhan kejahatan yang menentang Allah dan menentang kebaikan-kebaikan-Nya dan menyebarkan kerosakan di muka bumi. 'Aqidah Dua Tuhan yang paling masyhur ialah 'aqidah orang Farsi yang percaya ada tuhan nur dan ada tuhan gelap. Kepercayaan ini terkenal di selatan Semenanjung Tanah Arab di mana pernah tegaknya kerajaan dan kekuasaan Farsi.

Surah ini menegak dan menjelaskan 'aqidah Tauhid Islam sebagaimana Surah al-Kafirun menafikan sebarang keserupaan atau menafikan wujudnya titik pertemuan antara 'aqidah Tauhid dengan 'aqidah syirik. Kedua-dua surah ini memperkatakan hakikat Tauhid dari satu sudut yang tertentu. Rasulullah s.a.w. biasanya memulakan harinya -- dalam solat Sunat Fajar -- dengan membaca dua surah ini dan amalan ini mempunyai makna dan tujuannya yang besar.